

# Pakistan sedia bantu UNISSA kembangkan reputasi



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal menyampaikan cenderahati kepada Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Tariq Rashid Khan.

## Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 14 Jun. - Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Tariq Rashid Khan telah membuat kunjungan hormat kepada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Kunjungan tersebut adalah untuk membincangkan ruang kerjasama bidang pendidikan yang boleh diterokai di Republik Islam Pakistan. Menurut TYT, pada masa ini Pakistan mempunyai lebih daripada

200 buah universiti yang mempunyai bidang kepakaran masing-masing. TYT juga bersedia membantu UNISSA dalam mengembangkan reputasinya ke peringkat antarabangsa. Setakat ini UNISSA telah mempunyai hubungan dua halakerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa Islamabad (IIUI), Pakistan setelah termeterai penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) pada 14 Februari 2017 yang lalu. Rektor UNISSA juga pernah menghadiri Mesyuarat Penubuhan Jaringan

Universiti-Universiti Islam Asia-Afrika yang berpangkalan di Islamabad, Pakistan dan dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Agung.

Dalam kunjungan tersebut, pihak UNISSA mengalu-alukan kehadiran warga Pakistan yang berminat untuk mengikuti kursus pengajian di UNISSA. Pada masa ini, seorang pelajar warga Pakistan telah menamatkan pengajiannya dan memperoleh ijazah Sarjana dalam bidang Syariah dan dua orang lagi sedang mengikuti program Sarjana Perbankan dan Kewangan Islam.

Kunjungan hormat ini dihadiri sama oleh Timbalan Rektor UNISSA dan Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UNISSA.

## DARe peka tangani isu berkaitan perkhidmatan proses perniagaan

Oleh : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 14 Jun. - Lebih 2,000 permasalahan perniagaan yang dihadapi oleh para Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) setakat ini telah dapat diselesaikan oleh pihak Business Helpdesk (BHD) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Menurut kenyataan Darussalam Enterprise (DARE), antara langkah yang telah diambil oleh pihak DARE dalam membantu menyelesaikan permasalahan PMKS adalah dengan memperkenalkan Skim Kewangan Mikro Kredit bagi PMKS yang menghadapi kesukaran dalam mendapatkan pinjaman kewangan; di samping memudahkan serta mempercepatkan proses permohonan tapak atau kompleks di bawah pengendalian DARE bagi PMKS yang menepati kriteria-kriteria permohonan dan memperkenalkan beberapa program serta inisiatif pembangunan keupayaan perniagaan, iaitu Akademi Industri Perniagaan (IBA) dan 'Startup Bootcamp'.

Selain itu, DARE juga membantu PMKS dalam mendapatkan maklumat mengenai proses perniagaan yang diperlukan dari agensi-agensi kerajaan; membuat susulan dari agensi-agensi kerajaan berkenaan permohonan ataupun pertanyaan yang belum mendapat balasan; serta memanjangkan dan mengongsikan isu-isu perniagaan yang dihadapi PMKS kepada Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri (EIDPMO), Unit Ease of Doing Business (EODB) dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Langkah-langkah tersebut sedikit sebanyak mempermudah urusan perniagaan yang dilalui oleh para PMKS.

Sementara bagi permasalahan berkaitan pembayaran lambat daripada pihak kerajaan, BHD giat bekerjasama dengan Kementerian Kewangan bagi menyelesaikan isu-isu ini serta berusaha bagi menambahbaikkan proses tersebut.

Antaranya adalah dengan penubuhan 'Treasury Vendor Clinic' bagi membantu menyelesaikan masalah pembayaran dengan lebih efektif dan efisien.

Di samping itu, DARE akan sentiasa peka dalam menangani isu-isu berkaitan dengan perkhidmatan proses perniagaan yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan bagi memastikan ekosistem perniagaan yang efektif dan kondusif.

Dalam usaha untuk mempermudah akses kepada maklumat berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan, DARE bersama Unit EODB kini dalam proses mengumpul maklumat dan garis panduan yang berhubung dengan perniagaan yang mana dijangka akan ditempatkan di laman sesawang : [www.business.gov.bn](http://www.business.gov.bn).

Para peniaga, pengusaha dan orang ramai yang ingin menyoal masalah yang dihadapi dalam perniagaan atau berminat menyoal pandangan serta pertanyaan berkaitan dengan perniagaan, boleh menghubungi BHD melalui Talian Darussalam : 123, hotline : +673 8363442 atau portal dalam talian BHD : <http://www.business.gov.bn/businesshelpdesk/Home.aspx>.

Orang ramai juga boleh mengunjungi BHD di Premis Business Support Centre (BSC) Cawangan Daerah Brunei dan Muara (DBM) di Bangunan Design and Technology, Simpang 32-37, Kampung Anggerek Desa atau Cawangan Daerah Belait di aras bawah, Bangunan Bandar Kuala Belait dan Setia, Kuala Belait.

Waktu beroperasi bagi Cawangan DBM adalah Isnin hingga Khamis, dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang, manakala pada Jumaat, ia beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.15 hingga 4.30 petang, manakala bagi cawangan Daerah Belait pula, beroperasi setiap Selasa dan Khamis dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 hingga 4.30 petang.

## Taklimat Kenali ASEAN bantu perkembangan pembelajaran pelajar



ANTARA penuntut Maktab Anthony Abell yang hadir pada Taklimat Kenali ASEAN yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI.

## Berita dan Foto: Noraisah Muhammed

**SERIA,** Rabu, 14 Jun. - Menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan pelajar sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti. Itulah antara matlamat Taklimat Kenali ASEAN yang dikendalikan oleh Jabatan

Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI. Taklimat kali ini diadakan di Dewan Maktab Anthony Abell, di sini.

Hadir pada taklimat tersebut

ialah Guru Kanan Pentadbiran maktab berkenaan, Awang Zulkifli bin Haji Seri dan tenaga pengajar dari maktab berkenaan.

Taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan dan diikuti dengan sesi Kuiz ASEAN

yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman telah menarik perhatian lebih 250 para penuntut Maktab Anthony Abell yang hadir.

Semasa ditemu bual oleh pihak Pelita Brunei, Guru Kanan Pentadbiran maktab tersebut, Awang Zulkifli antara lain menjelaskan, "Taklimat yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan telah memberi maklumat serta pendedahan mengenai ASEAN dan turut membantu para pelajar dalam pembelajaran secara langsung khususnya bagi mata pelajaran

Social Studies bagi Tahun 7 dan 8."

Katanya lagi, menerusi sesi kuiz yang dijalankan dan juga ganjaran yang diberikan memberi peluang kepada para pelajar untuk lebih aktif dan bersemangat dalam mengaplikasikan pengetahuan mereka.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada Jabatan Penerangan atas usaha dan kerjasama dalam membantu perkembangan pembelajaran para pelajar maktab dan berharap kerjasama baik seumpama itu akan berterusan pada masa akan datang.